

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE
KAWASAN : GOPENG

SOALAN:

YB. DR. LEE BOON CHYE (GOPENG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pelan dan peruntukan untuk meningkatkan jalan utama A1 antara Ipoh dan Kampar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini merancang untuk menaik taraf 4 lokasi Jalan Persekutuan FT01 dari Kampar ke Ipoh dalam RMKe-11. Lokasi-lokasi terlibat ialah dari Jalan Kg. Bikam ke Kampar; Jalan Kampar ke Mambang Di Awan; Jalan Kg. Malaya ke Gopeng; dan Jalan dari Ipoh ke Gopeng.

Skop projek ini melibatkan cadangan menaikkan taraf jalan sedia ada kepada 4 lorong 2 hala mengikut piawaian JKR R5, menambah laluan khas motosikal di bahu jalan, dan membaik pulih kawasan yang kerap berlaku kemalangan ('blackspots'). Cadangan projek ini telah dipohon dan dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh Rolling Plan Kedua (2018-2019), RMKe-11, tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.